

TARIAN ETNIK TORAJA

Tarian Pa' gellu

Tarian ini ditarikan semasa menyambut kepulangan para pahlawan dari medan perang. Kini, tarian ini telah ditarikan semasa upacara rasmi dan majlis keramaian



seperti perkahwinan, menyambut tetamu luar, pesta rakyat, dan acara adat. Asal tarian ini dipercayai diamalkan oleh masyarakat Teroja di Sulawesi Selatan Indonesia.



Jumlah penari ialah lima orang, namun untuk tarian dalam majlis kebudayaan jumlah penari boleh mencecah 20 penari. Tempat yang masih aktif mengamalkan tarian ini ialah di Kampung Sentosa,

Tawau. Alat muzik yang digunakan ialah gong dan kulintangan.

Pakaian penari ialah menggunakan baju tradisi masyarakat Toraja, manakala alat lain yang digunakan semasa tarian ialah serpang bulawan (keris berwarna keemasan), kandaure, sa'pi ulu, tali tangan,



do'ke (tombak), dan parang sebagai lambang senjata mempertahankan diri.

eBorneo